

Bohong Sosial dalam Lakuan Respons Pujian Berdasarkan Gender

Social Lies in Gender-Based Compliment Responses

MUHAMMAD SYUKARMIE HANG TUAH &
WAN ROBIAH MEOR OSMAN*

Received: 21-2-2026/Accepted: 24-5-2026

ABSTRAK

Amalan menjaga air muka dan tidak berterus terang melalui "bohong sosial" merupakan tunjang kesantunan dalam komunikasi masyarakat Malaysia. Penggunaan bahasa berlapik ini bertujuan memelihara kesopanan agar interaksi sosial dapat berjalan dengan lancar. Fenomena bohong sosial yang menjadi amalan dalam respons pujian dilihat bertujuan menjaga hati dan perasaan orang lain agar dapat memelihara keharmonian dalam berbahasa. Oleh hal yang demikian, kajian ini memanfaatkan 4000 respons daripada 200 orang responden lelaki dan perempuan yang merupakan pelajar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Kajian ini mengenal pasti dan mengklasifikasikan maklum balas daripada responden terhadap 12 pujian yang telah direka bentuk menerusi tiga klasifikasi oleh Manes dan Wolfson (1981). Data kajian ini dianalisis menggunakan taksonomi respons terhadap pujian oleh Herbert (1990). Kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan respons pujian antara pelajar lelaki dan perempuan yang dikaji. Hasil kajian menunjukkan kaum perempuan lebih banyak menerima pujian berbanding kaum lelaki, iaitu masing-masing sebanyak 85.3% dan 81.2%. Dapatan kajian juga mendapati kaum lelaki lebih banyak melakukan bohong sosial, iaitu tidak berterus terang atau mengalihkan topik terhadap sesuatu pujian berbanding kaum perempuan. Oleh hal yang demikian, hasil dapatan ini secara tidak langsung memperlihatkan bohong sosial masih digunakan dalam kalangan generasi muda bagi tujuan merendah diri dan bersopan santun semasa interaksi sosial dalam masyarakat.

Kata kunci: Bohong sosial; lakuan respons pujian; gender; kesantunan; komunikasi

ABSTRACT

The practice of "saving face" and the use of indirectness through "social white lies" constitute the cornerstone of politeness in Malaysian communication. This indirect linguistic approach aims to uphold decorum and ensure seamless social interactions. In the context of responding to compliments, social white lies are employed to protect the feelings of others and preserve interpersonal harmony. Accordingly, this study examines 4,000 responses from 200 male and female students at Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). The research identifies and classifies respondent feedback to 12 structured compliments based on the three-fold classification by Manes and Wolfson (1981). Data were analyzed using Herbert's (1990) taxonomy of compliment responses. The findings indicate significant gender-based differences in compliment responses among the students. Specifically, female respondents accepted compliments more frequently than males, at 85.3% and 81.2% respectively. Conversely, male respondents were found to utilize social white lies characterized by indirectness or topic shifting more often than their female counterparts. These results indirectly demonstrate that social white lies remain a prevalent strategy among the younger generation as a means of expressing humility and maintaining politeness during social interactions within society.

Keywords: Social white lies; compliments response; gender; politeness; communication

PENGENALAN

Pujian merupakan tingkah laku dalam menghargai seseorang berdasarkan aspek-aspek tertentu. Menurut Searle (1975), pujian sering digunakan oleh seseorang untuk menghargai orang lain. Perkara ini mencakupi penghargaan ke atas rupa fizikal, sikap, keperibadian dan keterampilan. Menurut Manes dan Wolfson (1981) pula, pujian merupakan cara atau medium yang digunakan dalam tingkat sosial yang berkeupayaan untuk menciptakan dan mempertahankan sesebuah hubungan. Melalui pujian, individu di sekeliling kita akan berasa selesa dan yakin dengan diri sendiri. Bagi Holmes (1986) pula, pujian merupakan satu lakuan tutur secara eksplisit dan tersirat mengaitkan kredit kepada seseorang berdasarkan aspek-aspek baik yang dinilai secara positif oleh penutur kepada pendengar. Ini menunjukkan bahawa pujian merupakan salah satu kesantunan berbahasa positif yang mengungkapkan niat baik antara penutur dengan pendengar.

Strategi pujian merupakan elemen penting dalam budaya kesantunan masyarakat Malaysia yang mencerminkan akhlak serta nilai murni individu (Siti Hajar et al., 2012). Kesantunan ini dizahirkan melalui penggunaan bahasa halus dan sikap merendah diri demi menjaga air muka serta perasaan pihak lain daripada tersinggung. Budaya merendah diri yang tebal ini seterusnya mewujudkan fenomena "bohong sosial", iaitu pertuturan berlapik atau peralihan topik yang bertujuan memelihara kesopanan dalam interaksi. Walaupun bohong secara asasnya merujuk kepada kenyataan palsu tanpa nilai kebenaran (Teo, 2019), dalam konteks sosial, ia berfungsi sebagai alat untuk mencapai manfaat komunikasi dan keharmonian berbanding niat menipu (Teo, 1996, 2019). Fenomena ini lazimnya diperhatikan dalam cara masyarakat memberikan maklum balas terhadap sesuatu pujian. Apabila seseorang menerima sesuatu pujian lazimnya respons yang diberikan ialah menolak atau mengalih pujian tersebut. Situasi ini sering dilihat dalam interaksi masyarakat di Malaysia. Kebanyakan masyarakat menggunakan bohong sosial atau bohong sunat ini bagi tujuan merendah diri dan ingin mengekalkan keharmonian semasa berkomunikasi. Komunikasi ialah satu cara manusia menyampaikan maksud dan menerima mesej (Salinah et. al, 2024). Bohong sosial ialah pertuturan yang tidak berterus terang, bersifat berlapik atau adakalanya mengalihkan topik bagi menjaga kesopanan dalam sesuatu perbualan. Penggunaan bohong sosial ini seolah-olah menjadi penanda kerendahan diri agar tidak bercakap secara jujur atau berterus-terang. Hal ini sangat dijaga dalam masyarakat supaya tidak wujud perasaan membangga diri apabila menerima sesuatu pujian. Masyarakat Melayu kurang menggalakkan keikhlasan ketika bercakap, yakni berterus terang dan menganggap adalah lebih beradab atau beradat, yakni lebih sopan, kalau sesuatu itu disampaikan secara berselindung yakni secara tidak berterus terang. Bohong untuk tujuan kesopanan ialah salah satu aspek penting dalam budaya Melayu (Teo, 2019). Situasi bohong sosial ini suatu fenomena yang amat menarik untuk diteliti dengan lebih terperinci dan mendalam.

Oleh hal yang demikian maka, kajian ini akan mengupas aspek bohong sosial dalam lakuan respons pujian dalam kalangan generasi muda yang menjadi pelapis tonggak negara. Golongan generasi muda ini dipilih kerana ia dapat menunjukkan sama ada kelestarian adat resam berbahasa masih dipelihara dengan baik atau sebaliknya. Selain itu, kajian ini dijalankan dalam membincangkan perbandingan gender antara generasi muda ini yang secara tidak langsung akan memberikan hasil dapatan yang amat menarik tentang perbezaan tingkah laku respons pujian antara kaum perempuan dan lelaki.

SOROTAN KAJIAN

Sebahagian besar penelitian terhadap tindak balas pujian masih tertumpu kepada perbandingan bersifat silang budaya, sebagaimana yang dibuktikan melalui kajian Mustapha (2011), Razi (2012), Shahsavari et al. (2014), Shabani dan Zeinali (2015), Boroujeni et al. (2016), serta Cedar dan Setiadi (2016). Kecenderungan ini menyebabkan dimensi gender dalam komuniti bahasa yang sama sering terpinggir, sedangkan jantina merupakan antara faktor penting dalam pembentukan identiti linguistik. Perkara ini ditegaskan oleh Mohammad Yahya, Norsimah, dan Khazriyati (2016) yang menyatakan bahawa fokus penyelidikan sedia ada lebih menumpukan perhatiannya kepada perspektif budaya berbanding analisis mendalam mengenai perbezaan antara lelaki dan wanita dalam komuniti bahasa yang serupa. Hal ini menjadi titik tolak penting bagi meneliti sejauh mana norma gender mencorak perilaku berbahasa dalam sesebuah masyarakat.

Apabila meneliti pola respons berdasarkan gender, wujud pertentangan dapatan yang signifikan dalam literatur sedia ada. Di satu pihak, beberapa kajian menunjukkan wanita lebih bersifat akomodatif; contohnya, selebriti wanita di Malaysia menerusi Twitter (Siti Yuhaida Anniqah & Tan, 2014) dan pelajar perempuan di Jordan (Mohammad Yahya, Norsimah, dan Khazriyati, 2016) didapati lebih kerap menggunakan strategi persetujuan atau menerima pujian demi "memberi muka" kepada pemberi pujian. Pola ini selari dengan kajian Placencia dan Powell (2016) di Amerika Syarikat serta kajian terhadap masyarakat suku Saluan di Indonesia (Syahrianti & Nurlaela, 2019) yang mendapati wanita lebih senang memuji dan dipuji berbanding lelaki. Namun, dapatan ini dicabar oleh Norfakhriah dan Nur Shafiqah (2018) yang mendapati mahasiswa perempuan di Malaysia sebenarnya lebih cenderung menolak pujian melalui strategi *scaling down*, manakala lelaki pula lebih terbuka untuk membanggakan diri. Percanggahan ini memberi isyarat bahawa pengaruh gender terhadap respons pujian tidak bersifat universal dan dipengaruhi oleh pemboleh ubah lain seperti usia, tahap keakraban dan aspek sosial.

Satu lagi dimensi yang merumitkan wacana ini ialah pengaruh medium komunikasi. Kemajuan teknologi dikesan mula "menipiskan" sempadan budaya tradisional apabila pengguna media sosial secara global lebih cenderung menggunakan strategi penerimaan melalui "token penghargaan" atau emoji (Amalia, 2015; Dortkulak, 2017). Budaya "memaparkan sisi terbaik" di Instagram dan Facebook juga menyebabkan strategi penolakan pujian semakin jarang ditemui berbanding interaksi bersemuka (Indah & Rifana, 2017). Walaupun gaya respons mulai berubah mengikut arus kemodenan seperti pengguna Renren di China yang kini lebih terbuka menerima pujian (Eslami, Lu dan Chang, 2020) atau wanita Bali yang menyesuaikan kesantunan di platform digital (Ni Wayan, 2019) nilai-nilai asas seperti kerendahan diri tidak hilang sepenuhnya, sebaliknya beradaptasi ke dalam bentuk yang lebih ringkas.


Di sebalik kepelbagaian data mengikut gender dan medium, terdapat jurang kajian yang kritikal dalam konteks tempatan, iaitu aplikasi konsep "bohong sosial sebagai instrumen kesantunan yang strategik. Urano (1998) dan Wan Robiah (2015) menyentuh cara penutur Asia secara amnya lebih suka menolak pujian sebagai bentuk bohong sosial demi menjaga harmoni dan merendah diri. Walau bagaimanapun, literatur sedia ada kebanyakannya hanya mengklasifikasikan tindakan ini sebagai "penolakan" dari sudut linguistik tanpa membedah fungsi sosiobudayanya secara mendalam. Masih wujud kekurangan kajian yang menjelaskan mengapa lelaki atau wanita di Malaysia memilih untuk menggunakan bohong sosial (tidak berterus-terang) dalam merespons pujian, adakah ia satu keperluan psikososial untuk mengelakkan konflik atau sekadar budaya berbahasa? Justeru, kajian terhadap pelajar UNIMAS ini bertujuan mengisi kelompangan tersebut dengan menganalisis konsep bohong sosial yang masih diamalkan oleh generasi muda mengikut jantina dalam usaha menjaga air muka dalam interaksi sosial moden.

TUJUAN KAJIAN

1. Mengenal pasti dan mengklasifikasikan lakuan respons pujian mahasiswa UNIMAS berdasarkan Herbert (1990) dan Manes dan Wolfson (1981).
2. Menganalisis perbezaan respons pujian dalam kalangan mahasiswa lelaki dan perempuan UNIMAS.

METODOLOGI KAJIAN

Lakuan pujian mempunyai dua perkara asas, iaitu pertama melakukan pujian dan kedua respons terhadap pujian yang diterima. Dalam kajian ini hanya memfokuskan kepada perkara kedua, iaitu respons terhadap pujian. Dalam lakuan bahasa pujian, pemberi pujian yang menyampaikan mesej lazimnya mengharapkan respons daripada penerima sebagai sesuatu yang positif dan bukan sebaliknya (Wan Robiah, 2015). Struktur pujian terdiri daripada pujian berbentuk normal, iaitu apabila seseorang memuji tentang sesuatu perkara, pendengar akan memberikan respons jawapan yang positif seperti terima kasih. Manakala satu lagi pujian berbentuk bohong sosial atau bohong sunat, iaitu apabila seseorang memuji tentang sesuatu perkara, pendengar akan memberikan respons negatif. Maksud negatif di sini ialah respons yang dialih kepada topik lain atau meniadakan pujian itu dengan niat merendah diri dan ingin kelihatan sopan.



RAJAH 1. Struktur Respons Pujian Normal dan Bohong Sosial/Bohong Sunat (Wan Robiah, 2015)

Menerusi Rajah 1, S ialah pemberi pujian yang memuji H sebagai penerima pujian. Dalam komunikasi yang normal apabila seseorang menerima pujian lazimnya S sebagai pemberi pujian mengharapkan respons yang diterima sebagai A, iaitu H menerima pujian dengan ucapan terima kasih. Namun, dalam komunikasi masyarakat timur kebiasaannya respons pujian yang diterima sebaliknya menjadi B, iaitu bohong sosial. Dalam konteks ini, bohong sosial bukanlah bermakna bohong yang berunsur penipuan yang sengaja untuk memperdayakan pendengar, tetapi ia lebih kepada pertuturan yang mengelak daripada membanggakan diri serta berniat untuk merendah diri dan bersopan.

SUMBER DATA KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif bagi meneroka strategi respons pujian dalam kalangan mahasiswa di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Bagi mencapai matlamat tersebut, kaedah persampelan bertujuan telah digunakan dengan melibatkan seramai 200 orang responden yang terdiri daripada imbalan jantina yang disasarkan, iaitu 100 lelaki dan 100

perempuan. Pemilihan saiz sampel seramai 200 orang ini dianggap memadai dan mempunyai justifikasi yang kukuh kerana ia mampu menghasilkan korpus data yang besar, iaitu sebanyak 4,000 respons secara keseluruhan. Jumlah ini memberikan ruang yang luas bagi pengkaji untuk mencapai tahap ketepuan data (data saturation) dalam mengenal pasti pola respons pujian yang tekal dalam kalangan mahasiswa. Selain itu, responden yang dipilih tidak ditetapkan latar belakang seperti kelas sosial, bidang, taraf pendidikan, bangsa dan umur. Pengkaji hanya memfokuskan kajian kepada mahasiswa Tahun 3 daripada pelbagai fakulti yang terdapat di UNIMAS. Pemilihan pelajar Tahun 3 bersesuaian dengan tahap pengajian dan kematangannya.

Kajian ini memanfaatkan instrumen soal selidik terdiri daripada dua bahagian utama, iaitu Bahagian A merupakan demografi pelajar dan Bahagian B pula ialah item-item pujian. Sebanyak 20 item soalan pujian disediakan oleh pengkaji untuk diisikan oleh para pelajar. Daripada 20 item soalan pujian ini telah diberikan kepada 100 orang pelajar lelaki dan 100 orang pelajar perempuan, maka respons pujian bagi setiap gender masing-masing ialah 2000 respons pujian. Item-item dalam borang soal selidik diperoleh daripada kajian Wan Robiah (2015) dengan pengubahsuaian mengikut objektif kajian. Jadual 1 menunjukkan demografi responden.

JADUAL 1. Demografi Pelajar

Bil	Item demografi	Pilihan jawapan
1.	Gender	1. Lelaki 2. Perempuan
2.	Fakulti	1. FPBK (Fakulti Pendidikan, Bahasa & Komunikasi) 2. FPSK (Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan) 3. FSKTM (Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat) 4. FSTS (Fakulti Sains & Teknologi Sumber) 5. FK (Fakulti Kejuruteraan) 6. FSKPM (Fakulti Sains Kognitif & Pembangunan Manusia) 7. FAB (Fakulti Alam Bina) 8. FSSK (Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan) 9. FEB (Fakulti Ekonomi & Perniagaan) 10. FSGK (Fakulti Seni Gunaan & Kreatif)
3.	Bangsa/Kaum	1. Melayu 2. Cina 3. India 4. Iban 5. Bidayuh 6. Melanau 7. Lain-lain. Nyatakan

Bagi item pujian pula, pengkaji mereka bentuk pujian berdasarkan tiga kerangka klasifikasi oleh Manes dan Wolfson (1981), iaitu:

1. Pujian terhadap perwatakan, penampilan dan pemilikan seseorang.
2. Pujian berdasarkan prestasi, kebolehan, dan kemahiran seseorang.
3. Pujian terhadap sifat personaliti seseorang.

Data yang diperoleh kemudiannya dianalisis menggunakan taksonomi respons terhadap pujian oleh Herbert (1990). Taksonomi ini mempunyai tiga pecahan, iaitu bersetuju, tidak bersetuju dan interpretasi lain (rujuk Jadual 2 bagi pecahan ketiga-tiga bahagian ini).

PROSEDUR KUTIPAN DAN ANALISIS KAJIAN

Prosedur kajian dimulakan dengan pembinaan dan pengubahsuaian instrumen berdasarkan borang soal selidik Wan Robiah (2015). Instrumen ini mengandungi dua bahagian utama: Bahagian A untuk data demografi dan Bahagian B yang memfokuskan kepada situasi pujian serta respons pujian. Pembinaan item ini diselaraskan dengan klasifikasi Manes dan Wolfson (1981) bagi memastikan situasi pujian yang dikemukakan mencakupi kepelbagaian konteks sosial yang relevan dengan kehidupan mahasiswa.

Prosedur pengutipan data dijalankan sepenuhnya secara dalam talian menggunakan platform *Google Form*. Bagi memastikan penyebaran maklumat yang berkesan, pengkaji menggunakan aplikasi Whatsapp dengan menyertakan makluman awal pada bahagian kapsyen hantaran untuk memberikan kefahaman kepada responden mengenai objektif kajian. Aspek etika penyelidikan turut diberikan keutamaan, iaitu persetujuan termaklum (*informed consent*) diperoleh daripada responden melalui borang digital tersebut. Pengkaji memberikan jaminan kerahsiaan terhadap maklumat peribadi dan demografi, serta menjelaskan bahawa data hanya digunakan untuk tujuan akademik. Walaupun sasaran minimum adalah sebanyak 2,000 respons, pengkaji mengambil langkah proaktif dengan mengutip data melebihi jumlah tersebut bagi mengelakkan ralat daripada instrumen yang tidak dijawab dengan sempurna, sekali gus menjamin kualiti data yang dianalisis.

Bagi fasa analisis data, setiap respons yang diperoleh diteliti secara mikro melalui kaedah analisis ayat demi ayat. Pengkaji mengenal pasti kata kunci bagi setiap maklum balas sebelum dikategorikan mengikut Taksonomi Strategi Respons Pujian Herbert (1990). Sebagai contoh, respons lisan seperti "terima kasih" dianalisis dan dikodkan di bawah kategori 'penerimaan' atau 'token apresiasi'. Bagi memperincikan konsep "bohong sosial", kajian ini secara spesifik mengklasifikasikan pernyataan yang bersifat menolak, tidak menerima, atau tidak bersetuju dengan pujian (kategori bukan persetujuan) sebagai manifestasi bohong sosial. Proses analisis ini melibatkan pembahagian hierarki yang sistematik, merangkumi kategori persetujuan (penerimaan dan bukan penerimaan), bukan persetujuan (menidakkan, mempersoalkan, atau tidak mengendahkan), serta interpretasi lain (permintaan tafsiran).

JADUAL 2. Taksonomi Strategi Respons Pujian Herbert (1990)

Kategori	Jenis	Contoh
I. Persetujuan	A. Penerimaan	
	1.Token apresiasi: lisan atau bukan lisan penerimaan pujian.	Terima kasih.
	2. Penerimaan dengan komen: menerima pujian dan memberikan ulasan.	Ya, itu kesukaan saya juga!
	3. Penambahan pujian: menerima pujian dan menyumbangkan kekuatan pujian.	Mestilah menang, orang hebat.
	B. Bukan Penerimaan	
	1. Komen sumber objek: mengulas tentang objek pujian dan menyatakan maklumat sumber memperolehnya.	Saya beli di pasar malam.
II. Bukan Persetujuan	2. Pengalihan pujian: bersetuju dengan pujian tetapi dipindahkan kepada orang ketiga.	Ibu saya hadiahkan.
	3. Penyetaraan pujian: pujian dialihkan atau dikembalikan kepada penutur.	Sama juga dengan awak.
	1. Menidakkan pujian: tidak bersetuju dengan pujian, menyatakan kelemahan atau mendakwa	Barang lama.

	pujian itu berlebihan.	
	2. Mempersoalkan: mempersoalkan keikhlasan atau kesesuaian pujian itu.	Macam tu ke?
	3. Tidak bersetuju dengan pujian: menegaskan objek pujian tidak patut dipuji.	Saya tidak suka.
	4. Penerimaan separa: hanya melayakkan pernyataan asal.	Kan, tapi kepunyaan Kim lebih cantik.
	5. Tidak mengendahkan pujian: membalas dengan komen yang tidak relevan atau tidak memberikan jawapan.	Tiada respons.
III. Interpretasi lain	1. Meminta tafsiran: menafsirkan ujaran sebagai permintaan dan bukannya pujian.	Awak nak pinjam?

Ketekalan dan kualiti analisis ini diperkukuh melalui prosedur kebolehpercayaan pengkodan antara penilai (inter-rater reliability). Proses pengkategorian dan analisis kata kunci dilakukan secara berasingan oleh dua orang penilai. Langkah ini diambil bagi memastikan setiap unit analisis diklasifikasikan ke dalam kategori Herbert (1990) secara tepat dan objektif, sekali gus meminimumkan bias interpretasi individu. Setelah klasifikasi data disahkan, kekerapan setiap strategi dikira dalam bentuk peratusan untuk melihat kecenderungan respons mahasiswa UNIMAS secara keseluruhan. Akhir sekali, perbandingan silang dibuat antara pelajar lelaki dan perempuan bagi menjelaskan isu perbezaan jantina dalam penggunaan respons pujian, yang hasil peratusan tersebut dipersembahkan secara sistematik dalam Jadual 3 untuk menjawab objektif kajian secara tuntas.

DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan kecil antara pelajar lelaki dan perempuan, iaitu masing-masing sebanyak 81.2% dan 85.3% bagi kategori respons persetujuan. Manakala kategori respons bukan persetujuan pula ialah sebanyak 18.8% dan 14.7% bagi gender lelaki dan perempuan. Bagi kategori respons interpretasi lain tidak ditemui data bagi kedua-dua gender ini. Seterusnya, bagi respons penerimaan atau bersetuju dengan pujian dalam kalangan pelajar lelaki, token apresiasi mencatat peratusan paling tinggi, iaitu 61.2% atau 1223 respons. Respons jenis penerimaan dengan komen pula mencatat peratusan kedua tertinggi, iaitu sebanyak 8.5% atau 169 maklum balas. Respons penambahan pujian hanya kurang 7 maklum balas berbanding penerimaan dengan komen, iaitu 162 respons dengan peratusan 8.1%. Bagi respons komen sumber objek pula agak sedikit, iaitu 18 respons atau 0.9%. Jenis respons paling rendah dalam kategori persetujuan pujian ialah pengalihan pujian dengan peratusan sebanyak 0.6% atau 12 respons sahaja. Jenis respons kategori persetujuan yang terakhir ialah penyetaraan pujian dengan peratusan 2% atau 41 respons.

JADUAL 3. Perbandingan Respons Pujian Berdasarkan Gender Mahasiswa UNIMAS
Mengikut Taksonomi Herbert (1990)

Kategori Respons	Jenis Respons	Gender			
		Lelaki	%	Perempuan	%
I. Persetujuan	A. Terima				
	1. Token apresiasi	1223	61.2	1446	72.3
	2. Penerimaan dengan komen	169	8.5	36	1.8
	3. Penambahan pujian	162	8.1	11	0.6
	Jumlah	1554	77.7	1493	74.7
	B. Tidak Terima				
	Komen sumber objek	18	0.9	7	0.4
II. Bukan Persetujuan	Pengalihan pujian	12	0.6	1	0.05
	Penyetaraan pujian	41	2	205	10.2
	Jumlah	71	3.5	213	10.6
	1. Menidakkan pujian	220	11	166	8.3
	2. Mempersoalkan	57	2.9	62	3.1
	3. Tidak bersetuju dengan pujian	92	4.6	45	2.2
	4. Penerimaan separa	6	0.3	20	1
III. Interpretasi lain	5. Tidak mengendahkan pujian	0	0	1	0.05
	Jumlah	375	18.8	294	14.7
	Meminta tafsiran	0	0	0	0
	Jumlah Keseluruhan	2000	100	2000	100

Bagi kategori penolakan atau tidak bersetuju dengan pujian dalam kalangan mahasiswa lelaki mencatatkan peratusan paling tinggi, iaitu 11 % atau 220 respons. Bagi respons mempersoalkan pula mencatatkan peratusan sebanyak 2.9%, iaitu 57 maklum balas. Respons tidak bersetuju dengan pujian pula merupakan respons penolakan kedua tertinggi dengan peratusan 4.5% atau 92 respons diberikan. Respons penerimaan separa pula mencatatkan peratusan sebanyak 0.3% atau 6 respons sahaja. Manakala, respons tidak mengendahkan pujian tiada sebarang respons diterima daripada mahasiswa lelaki.

Bagi pelajar perempuan, respons kategori penerimaan atau bersetuju dengan pujian menunjukkan token apresiasi merupakan respons yang paling banyak diberikan oleh mahasiswi. Sebanyak 1446 respons atau 72.3% dicatatkan. Bagi respons penerimaan dengan komen, pelajar siswi mencatatkan peratusan sebanyak 1.8% atau 36 respons sahaja. Mahasiswi merespons dengan penambahan pujian sebanyak 11 maklum balas atau 0.6%. Respons jenis komen sumber objek hanya mencatatkan peratusan 0.4% atau 7 maklum balas. Bagi respons jenis pengalihan pujian mendapat respons paling rendah dalam kalangan pelajar perempuan UNIMAS, iaitu sebanyak 1 maklum balas atau 0.05% sahaja. Respons jenis penyetaraan pujian mencatatkan peratusan kedua tertinggi bagi gender perempuan, iaitu sebanyak 205 respons atau 10.2%. Dapatan ini menunjukkan pelajar perempuan cenderung menggunakan respons jenis ini apabila menerima pujian. Golongan ini sebagai penerima pujian (R) cuba bersikap rendah diri dan menyetarakan pujian diterima dengan mengembalikan pujian tersebut kepada orang yang memujinya. Secara tidak langsung pujian yang dialih atau dikembalikan kepada si pemuji (P) menunjukkan sifat positif kaum hawa ini apabila menerima sesuatu pujian. Contoh penyetaraan pujian seperti tiga contoh di bawah:

Contoh Pujian 1

P: “wey, lama tak nampak, makin segar/bergaya sekarang”

R: “alaaa you pun sama”

Contoh Pujian 2

P: “pandainya awak melukis”

R: “kamu pun sama juga”

Contoh Pujian 3

P: “amboi, berseri-seri dah sekarang”

R: “eh taklah. Awak pun apa kurangnya”

Respons penolakan atau tidak bersetuju terhadap pujian dalam kalangan mahasiswi pula menunjukkan respons menidakkan pujian mencatatkan peratusan paling tinggi, iaitu sebanyak 8.3% atau 166 jumlah respons. Respons mempersoalkan pujian pula mencatatkan peratusan kedua tertinggi, iaitu 3.1% atau 62 maklum balas. Peratusan 2.2% dengan jumlah sebanyak 45 respons telah dicatatkan oleh respons tidak bersetuju dengan pujian. Mahasiswi UNIMAS mencatatkan peratusan sebanyak 1% bersamaan 20 maklum balas bagi respons jenis penerimaan separa. Berbeza dengan mahasiswa lelaki, respons tidak mengendahkan pujian hanya mencatatkan peratusan yang sangat rendah, iaitu sebanyak 0.05% atau 1 respons sahaja.

Berdasarkan dapatan dalam Jadual 3, bagi kategori respons persetujuan pujian, pelajar perempuan lebih mendominasi berbanding pelajar lelaki UNIMAS. Pelajar perempuan kebanyakannya lebih menerima pujian yang diberikan kepada mereka. Respons token apresiasi yang paling tinggi digunakan ialah ucapan berbentuk ‘terima kasih’. Perempuan merupakan golongan yang sering dikaitkan dengan merendahkan diri dan mempunyai kesantunan tinggi yang ada dalam sifat mereka. Muh. Ardian (2016) menyatakan perempuan merespons pujian dengan tiga cara dan lebih dominan ke arah penerimaan pujian. Walaupun demikian, terdapat perbezaan transisi zaman yang secara tidak langsung memainkan peranan dalam mengubah adab dan kesantunan kaum hawa ini.

Perkara ini berbeza bagi pelajar lelaki, token apresiasi sememangnya mencatat peratusan dan respons yang tinggi seperti yang dinyatakan sebelumnya. Walaupun begitu, mereka dilihat lebih gemar merespons pujian jenis penerimaan dengan komen dan penambahan pujian. Kaum lelaki ini dilihat menambah pujian ini dengan mengaitkan semula subjek pujian yang diberikan. Contoh penambahan subjek pujian ini boleh dilihat dalam contoh 4, 5 dan 6 yang menokok-tambah pujian dengan mengaitkan subjek atau perkara yang sama diberikan oleh si pemuji.

Contoh Pujian 4

P: “Pandainya awak melukis”

R: “keturunan Leonardo”

Contoh Pujian 5

P: “wey, lama tak nampak, makin segar/bergaya sekarang”

R: “Biasalah. Aku kan YB. Hahaha”

Contoh Pujian 6

P: “hebat percaturan awak dalam pertandingan tadi”

R: “mahaguru kan”

Contoh respons pujian 4, 5 dan 6 menunjukkan respons penambahan pujian. Mereka menerima pujian dan menambah 'perisa' pada pujian tersebut. Ayat "keturunan Leonardo", "Biasalah. Aku kan YB. Hahaha", dan "mahaguru kan" tersebut merupakan gurauan yang mereka gunakan. Gurauan yang digunakan menjadi penambah kepada pujian yang diterima. Penambahan pujian ini seolah-olah menjadi bahasa menggiat bagi tujuan berseloroh atau jenaka. Hal ini tidak bertujuan untuk membangga atau meninggikan diri sendiri. Penambahan pujian seperti kata "Leonardo" pada hakikatnya mereka tidak mempunyai sebarang perkaitan dengan nama yang mereka nyatakan. Kata "Leonardo" dikaitkan kerana beliau merupakan pelukis terkenal. Kebiasaannya, penerimaan atau persetujuan dengan menambah pujian ini berlaku dalam kalangan rakan-rakan mereka sendiri. Mereka lebih gemar membanggakan diri di hadapan rakan mereka sebagai tanda bergurau. Herbert (1990) juga menyatakan bahawa gurau senda dan penambahan pujian digunakan untuk berunding solidariti dengan penerima. Perkara ini sangat menarik untuk dilihat kerana unsur humor yang ditambah oleh kaum lelaki adalah untuk memberikan keceriaan pada konteks pujian tersebut.

Selain itu, pelajar lelaki dilihat lebih dominan bagi kategori penolakan atau tidak bersetuju dengan pujian berbanding perempuan. Mahasiswa lelaki memberikan respons kategori penolakan pujian sebanyak 375 respons atau 18.8% berbanding mahasiswa perempuan, iaitu 294 respons atau 14.7%. Menerusi dapatan kaum lelaki tidak bersetuju dengan pujian kerana pujian yang diterima dianggap mempunyai kelemahan dan berlebihan. Mereka telah memberikan respons meniadakan pujian ini sebanyak 220 respons atau 11% berbanding pelajar perempuan, iaitu 166 respons atau 8.3%.

Contoh Pujian 7

P: "hebat ucapan awak tadi"

R: "eh, mana ada hebat"

Contoh Pujian 8

P: "tugasan yang awak lakukan sangat baik"

R: "Biasa jaa"

Contoh Pujian 9

P: "lama tak nampak, muka makin berseri-seri, ada rahsia ke?"

R: "eh mana ada, biasa je"

Contoh dapatan pujian 7, 8 dan 9 merupakan antara respons yang diberikan oleh mahasiswa lelaki dalam menolak dan tidak bersetuju dengan pujian yang ditujukan kepada mereka. Respons yang diberikan berdasarkan dapatan ini menunjukkan bahawa mereka tidak ingin dipuji berlebihan kerana menganggap kemahiran atau kebolehan sendiri pada tahap yang sekadar memuaskan dan belum cukup hebat. Contoh Pujian 7 apabila dipuji "hebat ucapan awak tadi" respons yang diberikan "eh, mana ada hebat", jawapan ini mempersoal yang menunjukkan wujud bohong sosial, iaitu tidak menerima pujian sebagai tanda merendahkan diri. Hal yang sama boleh dilihat berdasarkan contoh 8, iaitu apabila dipuji "tugasan yang awak lakukan sangat baik", respons yang diterima ialah "biasa jaa" yang menunjukkan sikap tidak menerima pujian. Dalam konteks pujian lazimnya apabila dipuji si penerima akan mengucapkan "terima kasih". Hal ini tidak berlaku dalam contoh 7, 8 dan 9. Budaya merendahkan diri menyebabkan wujudnya bohong sosial dalam kalangan generasi muda ini. Selain itu, contoh Pujian 9 juga sama, iaitu apabila dipuji "lama tak nampak, muka makin

berseri-seri, ada rahsia ke?”, jawapan yang diberikan ialah “eh mana ada, biasa je” mempersoal dan menolak pujian yang diterima. Konteks berbahasa ini menunjukkan masyarakat timur khususnya di Malaysia terkenal dengan budaya merendah diri yang tinggi. Hal ini menunjukkan sikap masyarakat yang menolak pujian secara baik dengan memberikan jawapan yang sangat sopan sebagai penanda kesantunan. Secara tidak langsung menunjukkan kaum lelaki ini menggunakan teknik merendah diri sebagai penanda dalam kesantunan berbahasa. Menerusi dapatan ini menunjukkan pelajar lelaki cenderung menolak dan tidak bersetuju dengan pujian yang menggambarkan sebagai respons yang tidak berterus terang, bersifat berlapik atau adakalanya mengalihkan topik bagi menjaga kesopanan dalam sesuatu perbualan. Hal ini menyamai konsep bohong sosial iaitu pertuturan yang tidak berterus terang dilakukan untuk mendapatkan manfaat sosial sama ada menjaga hubungan, mencerminkan kerendahan budi bahasa dan keperibadian diri yang tinggi.

Secara keseluruhan menerusi data yang telah diteliti menunjukkan mahasiswa lelaki lebih banyak menggunakan respons menolak pujian dan tidak bersetuju dengan pujian berbanding mahasiswa perempuan. Kesemua aspek ini tergolong dalam konteks bohong sosial yang bersifat tidak berterus terang, berlapik, berselindung atau mengalihkan sesuatu topik agar tidak menerima pujian secara langsung sebagai tanda sopan dan merendah diri. Bohong bagi tujuan kesopanan merupakan aspek penting dalam budaya Melayu. Masyarakat Melayu sering menggunakan bohong jenis ini untuk, misalnya menolak sesuatu permintaan (Teo, 2019). Dalam konteks kajian ini jelas menunjukkan bahawa generasi muda di Sarawak khususnya kaum lelaki memanfaatkan konsep bohong sosial dalam menerima pujian berbanding kaum perempuan.

PERBINCANGAN

Kesantunan dalam merespons pujian sangat berkait rapat dengan penolakan pujian kerana masyarakat Malaysia terkenal dengan adat dan budaya berbahasa turun-temurun yang terikat dengan amalan merendah diri. Budaya ini kebiasaannya berkaitan dengan kaum dan keakraban sesuatu hubungan antara pemberi pujian dengan penerima pujian. Sesuatu ekspresif penghargaan lazimnya merupakan ujaran yang dinyatakan oleh seseorang individu untuk menghargai, memuji dan menyanjung orang yang dilawan bercakap. Seseorang penutur berbahasa untuk tujuan mendekati, menjalinkan, mengekalkan hubungan rapat bagi meningkatkan keberkesanan komunikasi atau mengurangkan jarak sosial antara mereka (Dilah dan Chong, 2024). Oleh itu, seseorang perlu mempunyai pengetahuan yang baik tentang budaya sesebuah masyarakat untuk memahami sesuatu konteks berbahasa dan maksud ujaran yang diterima (Teo, 1996). Bagi sesetengah kaum budaya merendahkan diri dalam merespons pujian masih diamalkan sama ada secara meluas atau sebaliknya, walaupun telah berlaku kemodenan. Kajian Asmianti (2013) menyatakan kaum Bugis kebanyakannya menggunakan respons menolak dengan merendahkan pujian yang diberikan kepada mereka. Kaum ini dilihat tidak mengubah pegangan kesantunan dengan amalan merendah diri walaupun berlaku transisi zaman. Faktor kemodenan dilihat tidak mempunyai perkaitan yang sangat besar apabila dikaitkan dengan hal kebudayaan yang telah menjadi tradisi dalam masyarakat Bugis. Hal yang sama juga boleh dilihat bagi kaum Melayu yang dilihat lebih cenderung untuk bersikap tidak berterus-terang dalam memberikan respons berbanding kaum lain. Kaum ini dilihat memanfaatkan bohong sosial sebagai penanda kesantunan ketika berkomunikasi dan budaya ini telah menjadi suatu kelaziman sejak turun-temurun (Wan Robiah, 2015). Kaum Melayu juga terkenal dengan penjagaan air muka yang berkaitan dengan

maruah. Konsep maruah dan menjaga air muka bagi orang Melayu berkaitan dengan nama baik diri sendiri dan keluarga selain tidak terhad pada situasi semasa komunikasi berlangsung yang merupakan asas kesantunan (Asmah, 2000 dalam Indirawati dan Arina, 2018). Air muka positif merupakan keinginan yang positif seperti ingin difahami, ingin disukai, ingin dipuji dan ingin menjadi sebahagian daripada kumpulan tertentu (Hieda, Nor Hashimah dan Mohammad Fadzeli, 2021). Selain itu, ada ketikanya masyarakat Melayu menggunakan kata berlapik, berkias atau bahasa halus apabila menolak sesuatu pujian. Penggunaan kata berkias atau bahasa halus (eufemisme) juga menjadi penanda kesantunan berbahasa oleh masyarakat Melayu khususnya dalam mewujudkan suasana saling menghormati antara penutur, di samping memaparkan kesopanan dan kehemahan seseorang individu (Hamidah et. al, 2016). Penanda kesopanan dalam sesuatu masyarakat ini lazimnya diwarisi dan merangkumi segenap lapisan tatatingkat sosial rendah hingga ke pemimpin atasan (Suswanto et. al, 2023). Oleh hal yang demikian, budaya masyarakat khususnya masyarakat Melayu yang menolak pujian dilihat sebagai penanda kesopanan dalam menjaga hati, air muka dan nama baik keluarga agar komunikasi dapat berjalan lancar dan mewujudkan suasana yang rukun dan harmoni.

Keadaan yang sama juga berlaku terhadap mahasiswa sarjana jurusan bahasa Inggeris di Universitas Negeri Semarang yang merespons pujian walaupun menggunakan bahasa Inggeris tetapi pola perilaku respons pujian acuan bahasa Indonesia. Hal ini disebabkan respons pujian ini dipengaruhi oleh latar belakang budaya perilaku berbahasa Indonesia walaupun memiliki komunikasi dalam bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua mereka (Muhammad Husin, 2020). Mahasiswa yang terdiri daripada pelbagai suku kaum yang berbeza, iaitu Jawa, Madura, Melayu, Dayak dan Sumba Flores di Institut Keguruan dan Ilmu Pendidikan Budi Utomo Malang juga dilihat cenderung menolak pujian secara langsung dan tidak langsung sebagai tanda merendah diri dan malu. Dapat disimpulkan bahawa suku kaum ini masih mengamalkan komunikasi masyarakat berteraskan budaya Timur walaupun terdapat gejala pergeseran dengan menerima pujian (Anita dan Kingkin, 2018). Gejala pergeseran yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah wujudnya peralihan budaya yang sebelum ini menolak pujian dan mengamalkan bohong sosial sebagai tanda merendah diri dan sopan. Namun, telah berubah kepada tindak balas menerima pujian dengan persetujuan. Hal ini juga berlaku dalam kajian Wan Robiah (2015) yang menampakkan peralihan transisi budaya masyarakat Melayu, bumiputera Sabah dan Sarawak (Iban, Bidayuh, Melanau, Dusun, Kedayan, Kenyah, Sino-sungai, dan Dusun-murut) dan bukan bumiputera (Cina, India) di kepulauan Borneo khususnya generasi muda yang mulai bersetuju dalam menerima sesuatu pujian.

Budaya Barat masyarakatnya cenderung memberikan maklum balas positif serta bersifat terbuka dan sangat menghargai pujian yang diterima (Chen, 1993). Sikap keterbukaan dalam menerima dan memberikan pujian adakalanya ditambah dengan pelbagai kata-kata manis penambah 'perisa' dalam pujian tersebut seperti "Thank you for your kindness" dan respons daripada pujian yang diterima ialah "It's my pleasure" yang secara tidak langsung memperlihatkan masyarakat Barat yang sangat mengangkat budaya memuji dan menerima pujian (Wan Robiah, 2015). Hal yang sama boleh dilihat menerusi kajian oleh Ying (2019) menunjukkan bahawa mahasiswa Cina cenderung ke arah menerima pujian dan dilihat mempunyai pengaruh budaya Inggeris yang sentiasa bersifat positif dan menghargai semua pujian yang diterima. Sifat terbuka dalam menerima pujian juga wujud dalam masyarakat di Filipina yang cenderung menerima pujian berbanding menolaknya (Zhang, Jin, 2013). Kajian oleh Rosi Rosiah (2018) juga menunjukkan hal yang sama bagi pelajar asli Jepun yang cenderung menerapkan konsep barat dalam merespons pujian dengan ungkapan terima kasih sebagai tanda menjaga reaksi positif penutur. Situasi yang sama juga mulai jelas kelihatan dalam kalangan remaja lelaki dan perempuan dalam kajian ini. Hal

ini boleh dilihat menerusi hasil dapatan yang tinggi bagi aspek persetujuan terhadap pujian melebihi 80% bagi kedua-dua gender yang dikaji. Situasi ini menunjukkan remaja pelbagai kaum di Sarawak khususnya cenderung bersikap positif dan kemungkinan menganggap sikap tidak berterus-terang dalam budaya masyarakat terdahulu kurang relevan untuk diamalkan kini. Hasil kajian ini menunjukkan persamaan dengan sikap kaum Melayu dalam penolakan ajakan bahasa Jepun yang mempunyai daya keterbukaan dalam konteks silang budaya, iaitu budaya Melayu yang bersifat akomodatif (Hieda, Nor Hashimah dan Mohammad Fadzeli, 2021). Suasana kemodenan dunia tanpa sempadan ini telah mulai mengubah corak pemikiran dan gaya pandang generasi muda kini. Hal ini terjelma menerusi kajian ini, iaitu generasi muda mulai menerima pujian dengan sikap yang terbuka dan menganggap ia sebagai suatu perkara yang dapat mewujudkan suasana harmoni dalam berinteraksi. Hasil kajian terhadap respons pujian bagi kedua-dua gender ini tidak mempunyai perbezaan yang ketara sekiranya dibandingkan respons secara keseluruhan kerana kedua-duanya memiliki jumlah respons dan peratusan penerimaan pujian yang sangat tinggi. Perbezaan hanya wujud antara kedua-dua gender apabila dibandingkan dengan jumlah dan peratusan respons mengikut kategori seperti penerimaan atau bersetuju dengan pujian dan penolakan atau tidak bersetuju dengan pujian. Sekiranya melihat perbandingan respons dari segi kategori, kaum perempuan mendominasi respons kategori penerimaan pujian manakala lelaki mendominasi respons kategori penolakan pujian seperti yang telah dibincangkan. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan kaum lelaki lebih cenderung menggunakan bohong sosial berbanding kaum wanita.

Hal yang sama juga boleh dilihat menerusi dapatan kajian oleh Syahrianti dan Nurlaela (2019) yang menunjukkan kaum perempuan suku Saluan di Kecamatan Nambo dilihat lebih senang memuji dan dipuji berbanding kaum lakinya. Kebanyakan pujian dalam masyarakat suku Saluan ini lebih cenderung memuji penampilan dan merespons pujian dengan menerima pujian. Wolfson (1983: 92) juga mendakwa bahawa kaum wanita dilihat lebih menerima pujian daripada kaum lelaki. Hasil dapatan oleh Siti Yuhaida Anniqah dan Tan (2014: 86) juga menyokong dakwaan ini, iaitu daripada 220 pujian dalam Twitter, 159 daripadanya kaum wanita dan 61 lelaki. Kaum wanita dilihat berpegang kepada prinsip mengawal kesantunan, iaitu dengan menerima pujian untuk memberi muka kepada si pemberi pujian. Hal yang sama juga boleh dilihat menerusi kajian oleh Ni Wayan (2019) terhadap respons pujian dalam kalangan wanita Bali di media sosial yang menunjukkan kaum hawa ini lebih cenderung merespons pujian dengan strategi penerimaan penghargaan. Keadaan yang sama juga didapati dalam kajian Placencia, Lower dan Powell (2016) dan kajian Mohammad Yahya, Nosimah dan Khazriyati (2016) bahawa kaum hawa ini dilihat menerima pujian berbanding menolaknya. Selain itu, kajian oleh Siti Yuhaida Anniqah dan Tan (2014) mendapati bahawa pujian terhadap penampilan banyak digunakan oleh kaum wanita berbanding lelaki masing-masing sebanyak 37% dan 21%. Hal ini juga dipersetujui oleh Manes (1981) yang menyatakan bahawa kaum wanita lebih cenderung memuji pada penampilan seseorang berbanding kaum lelaki.

Sementara itu, hasil dapatan kajian Norfakhriah dan Nur Shafiqah (2018) pula agak berlainan kerana didapati kaum lelaki lebih cenderung menerima dan meninggikan diri semasa pujian diberikan, manakala kaum perempuan pula lebih cenderung menolak pujian dengan strategi *scaling down*. Oleh itu, menerusi paparan hasil dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan tingkah laku berdasarkan gender dalam merespons sesuatu pujian yang diterima. Perbezaan ini telah memberikan kepelbagaian variasi respons pujian dan konsep bohong sosial dalam sesebuah masyarakat. Bohong sosial menjadi amalan bagi masyarakat yang menganggap bahawa sesuatu pujian itu perlu ditolak sebagai tanda merendah diri dan berlaku sopan dalam

sesuatu komunikasi. Isu bohong sosial ini amat kompleks sifatnya. Pengetahuan yang baik tentang budaya sesebuah masyarakat amat penting dalam memahami apakah yang sebenarnya yang dimaksudkan oleh sesuatu bentuk bahasa itu (Teo, 2019). Hal ini disebabkan dalam semua golongan masyarakat di dunia aspek kesantunan adalah salah satu pegangan hidup dalam interaksi harian. Aspek ini merupakan penghubung interaksi sesama anggota masyarakat yang mementingkan gaya hidup yang harmoni, aman dan damai (Indirawati, 2012). Oleh hal yang demikian, konsep bohong sosial dalam masyarakat Malaysia khususnya merupakan sesuatu yang amat kompleks dan memerlukan penelitian yang lebih mendalam agar niat, budaya dan budi bahasa dapat ditafsirkan dengan lebih terperinci dan baik.

KESIMPULAN

Dalam konteks bohong sosial menunjukkan bahawa kaum lelaki lebih cenderung melakukannya berbanding kaum wanita menerusi kajian ini. Hal ini menunjukkan bahawa generasi muda khususnya di Sarawak masih mempraktikkan budaya merendah diri dan bersopan santun semasa interaksi sosial dengan masyarakat. Walaupun demikian, sikap keterbukaan dalam bersetuju terhadap pujian yang diterima oleh golongan muda ini semakin ketara apabila kajian menunjukkan peratusan yang tinggi bagi kedua-dua gender, iaitu melebihi 80%. Hasil kajian ini jelas memberikan gambaran bahawa sikap akomodatif dalam masyarakat moden khususnya generasi muda. Golongan ini mulai mengubah budaya merendah diri bagi masyarakat timur yang sebelum ini mengamalkan bohong sosial sebagai penanda kesantunan berbahasa.

Implikasi jantina sebagai penyumbang faktor sosial dalam tingkah laku merespons pujian dalam kajian ini dilihat tidak memberikan perbezaan yang ketara hanya 4% bagi respons persetujuan dan tidak bersetuju. Maka perbezaan gender dalam tingkah laku merespons pujian oleh generasi muda dalam kajian ini tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan. Justeru, pada masa hadapan kajian mendalam dan terperinci terhadap topik pujian, iaitu pujian terhadap perwatakan, penampilan, pemilikan, prestasi, kebolehan, kemahiran dan sifat personaliti seseorang. Selain itu, kajian juga perlu menumpukan perhatian secara terperinci tentang siapa yang memuji siapa dan tentang apa, dan fungsi dalam jantina yang sama serta silang jantina.

PENGHARGAAN

Penghargaan terima kasih ditujukan kepada semua responden dalam kajian ini yang terdiri daripada mahasiswa Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

RUJUKAN

- Amalia K. 2015. Compliment and compliment response in Instagram. Master Degree Thesis, Muhammadiyah University of Surakarta, Jawa Tengah, Indonesia.
- Asmianti. 2013. The compliment responses by Buginese community in Bine regency. Ph.D Thesis, Hasanuddin University, Sulawesi Selatan, Indonesia.
- Chen, R. 1993. Responding to compliments: A contrastive study of politeness strategies between American English and Chinese speakers. *Journal of Pragmatics* 20: 49–75.

- Dilah T. & Chong S. 2024. Pola Komunikasi Rentas Sempadan di Telok Melano-Temajuk, Borneo Barat: Satu Analisis Teori Akomodasi Komunikasi. *Akademika* 94(1) <https://ejournal.ukm.my/akademika/article/view/61181> Dilayari pada: 19 Februari 2025 .
- Dortkulak, F. 2017. Compliments and compliment responses in Turkish and American English: A constrative pragmatics study of a Facebook Corpus, Ph.D Thesis, Middle East Technical University, Ankara, Turkiye.
- Eslami, Z., R., Lu Y, & Chang Q. 2020. Acomparative study of compliment responses among Chinese Renren users and American Facebook users. In Z. R. Eslami (Ed), *Complimenting Behaviour and (Self-) Praise across Social Media* (pp. 21-47). John Benjamins Publishing Company.
- Hamidah A. W., Imran H. A., Mohammed Azlan M., & Khazriyati S. 2016. Analisis Eufemisme Kematian Masyarakat Melayu Sarawak dari Perspektif Semantik Kognitif. *GEMA Online Journal of Language Studies* 16(2) <https://ejournal.ukm.my/gema/article/view/10203/4299> Dilayari pada: 19 Januari 2025.
- Herbert, R., K. 1990. Sex-based differences in compliments behavior. *Language in Society* 19 (2) <https://doi.org/10.1017/S0047404500014378> Dilayari pada: 10 Januari 2025.
- Hieda, N., Nor Hashimah J. & Mohammad Fadzeli. J. 2021. Penolakan ajakan dalam bahasa Jepun oleh informan Melayu: Analisis strategi dan kesan kesantunan. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 21(1) <https://ejournal.ukm.my/gema/article/view/41367/11713> Dilayari pada: 19 Januari 2025.
- Holmes, J. 1986. Compliments and Compliment Responses in New Zealand. *Anthropological Linguistics* 28: 485-508.
- Indah R. N. & Rifana N. F. 2017. The pattern of compliments in Instagram photo comments. *International Journal of Research Studies in Language Learning* 7 (3): 57-69.
- Indirawati Z. & Arina J. 2018. Kesantunan Melayu: Analisis Konteks Perbualan dalam Rancangan Bual Bicara. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 18(4) <https://ejournal.ukm.my/gema/article/view/22895> Dilayari pada: 19 Januari 2025.
- Indirawati Z. 2012. Kesantunan Melayu ke Arah Situasi Bebas Konflik dalam Prinsip dan Aplikasi Kesantunan Berbahasa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Manes, J., & Wolfson, N. 1981. The compliment formula. In F. Coulmas (Ed), *Rasmus Rask Studies in Pragmatic Linguistics: Conventional Routine Explorations in Standardized Communication Situations and Prepatterned Speech*. The Hague: Mouton Publishers.
- Mohammad Yahya A., Nosimah M. A & Khazriyati S. 2016. Compliment Responses among Male and Female Jordanian University Students. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 16(1) <https://ejournal.ukm.my/gema/article/view/9014> Dilayari pada: 19 Januari 2025.
- Muhammad Husin A. F. 2020. Studi respons pujian mahasiswa atas pencapaian prestasi dalam kelas. *Jurnal Komunikasi dan Bahasa*, 1(2): 121-133.
- Muh. Ardian K. 2016. Kesantunan wanita suku Sasak dalam memproses pujian bahasa Sasak. *Prosiding Konferensi linguistik tahunan Atma Jaya 14 (KOLITA 14)*, 6-8 April, Jakarta ISBN: 978-602-8474-36-8.
- Ni Wayan S. 2019. Compliment response strategy of Balinese women on social media. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research* 338: 373-376.
- Norfakhriah C. O. & Nur Shafiqah A. 2018. Satu kajian tentang tindak balas terhadap pujian di kalangan mahasiswa Melayu lelaki dan perempuan. *Jurnal Sultan Sulaiman Shah* 5(Special Issues): 483-495.

- Placencia, M., E., Lower, A., & Powell, H. 2016. Complimenting behaviour on Facebook: responding to compliments in American English. *Pragmatics and Society* 7(3): 339-365.
- Rosi R. 2018. Strategi merespon pujian pada pembelajar bahasa Jepang: kajian komparatif dengan penutur asli. *Jurnal Lingua Aplicata* 1(2): 1-21.
- Salinah J., Maslida Y., Rusmadi B., Karim H. & Zaitul Azma Z. H. 2024. Kreativiti dan Impak Komunikasi Digital dalam Kalangan Generasi Z. *Akademika*, 94(3) <https://ejournal.ukm.my/akademika/article/view/74943> Dilayari pada: 19 Februari 2025.
- Searle, J. 1975. Indirect Speech Acts. In P. Cole, & J. Morgan (Eds.), *Syntax and Semantics 3: Speech Acts* (pp. 59-82). New York: Academic Press.
- Siti Hajar C. M., Munir S., Razif M., & Sarjit K. 2012. Kesedaran dan Amalan Kesopanan dalam Kalangan Remaja Malaysia: Menilai Sumbangan Teori Kesopanan Brown Levinson. *Akademika* 82(2): 81-85.
- Siti Yuhaida Anniqah M. Y. & Tan B. H. 2014. Compliments and compliment responses of Twitter among male and female celebrities. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities* 22: 75–96.
- Suswanto I. M. S., Siti Noor Fazelah M. N., Azmi A. L., & Nurul Aimi R. 2023. A Hybrid Analysis of Critical Discourse Analysis and Systemic Functional Language to Unmask Ideological Stance Inside President Joko Widodo's Political Speech Text. *Akademika* 93(2) <https://ejournal.ukm.my/akademika/article/view/48294> Dilayari pada: 19 Februari 2025.
- Syahrianti M. N. & Nurlaela. 2019. Analisis sosio-pragmatik terhadap pujian dan respon pujian pada masyarakat suku saluan, *Celebes of Linguistik Journal* 1(2): 1-10.
- Teo K. S. 1996. Bohong dalam Berbahasa. *Pelita Bahasa* 8(6): 41-44.
- Teo K. S. 2019. Bahasa dan Masyarakat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Robiah M. O. 2015. Bohong sunat dalam lakuan respons pujian. *Jurnal Bahasa* 15(2): 291-306.
- Ying, Q., W. 2019. Pragmatic variation: compliment responses of Malaysian Chinese undergraduates in two academic majors. *Journal of Linguistics and Education* 9(2): 67 - 79.
- Zhang, J. Pei. 2013. Compliments and compliment responses in Philippine English. *GEMA Online Journal of Language Studies* 13(1): 25-41.

PENULIS:

MUHAMMAD SYUKARMIE HANG TUAH
Graduan Linguistik Melayu
Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia
Emel: syukarmie4499@gmail.com

WAN ROBIAH MEOR OSMAN (Penulis koresponden)
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Emel: mowrobiah@ukm.edu.my